



**SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
PERSIARAN BUKIT UTAMA
47800 PETALING JAYA, SELANGOR
Tel : 03-77276166**

Ruj. Kami :
Tarikh : 10 September 2020

Kepada
Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Bandar Utama Damansara(3)

Tuan / Puan,

PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN SEKOLAH DAN AMALAN NORMA BAHARU

Perkara di atas dengan sukacitanya adalah dirujuk.

2. Sekolah telah dibuka semula pada 24 Jun 2020 (Tingkatan 5) dan 15 Julai 2020 (murid Tingkatan 1 – Tingkatan 4) dengan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah yang disediakan oleh KPM. Sukacita diingatkan bahawa semua murid dibenarkan memakai baju PJK pada hari Selasa dan Khamis sahaja sepanjang tempoh PKPP ini. Pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat, semua murid wajib memakai pakaian seragam sekolah yang lengkap.
3. Di samping mematuhi SOP serta mengamalkan amalan norma baharu, semua murid juga wajib mematuhi peraturan-peraturan sekolah yang ditetapkan seperti berikut:
 - i) Murid tidak dibenar mewarnakan rambut.
 - ii) Murid dilarang menyimpan kuku yang panjang.
 - iii) Murid dilarang memakai rantai / gelang tangan atau barang kemas lainnya.
 - iv) Murid lelaki tidak dibenarkan bermisai / berjambang. (walaupun pemakaian pelitup muka menutup misai / jambang).
 - v) Murid lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang atau membuat potongan rambut berfesyen. (Rujuk SPI Bil. 2/1976 atau buku peraturan sekolah, m.s. 28 –edisi 2019).
 - vi) Rambut murid perempuan yang melepasi paras bahu perlu diikat dengan kemas dan rapi.
 - vi) Murid perempuan hanya dibenarkan memakai sepasang subang yang diameternya kurang daripada 0.5cm.
4. Ibu bapa / Penjaga diminta sentiasa mengingatkan anak-anak tentang amalan norma baharu di sekolah seperti berikut:
 - i) Memakai pelitup muka sepanjang masa berada di sekolah.
 - ii) Menjaga penjarakan fizikal (waktu tiba di sekolah, waktu PdPc, Waktu rehat dan waktu balik).
 - iii) Makan pada waktu rehat di tempat duduk masing-masing dan tidak dibenarkan berkongsi makanan atau minuman.
 - iv) Membuat “pre-order” makanan untuk mengelak kesesakan di kantin pada waktu rehat.

5. Berdasarkan Penjajaran Semula Kurikulum dan dalam usaha mematuhi penjarakan fizikal di sekolah, waktu persekolahan mulai 14 September 2020 ditetapkan seperti berikut:

Tingkatan 1 - Tingkatan 3

Isnin - Khamis 7.30pg – 1.00 ptg
Jumaat 7.30pg – 12.00tgh

Tingkatan 4 Theta, 4 Delta, 4 Zeta, 4 Omega, 5 Theta, 7 Delta, 5 Zeta dan 5 Omega

Isnin - Khamis 7.30pg – 1.30 ptg
Jumaat 7.30pg – 12.30tgh

Tingkatan 4 Gamma, 4 Sigma, 5 Gamma dan 5 Sigma

Isnin - Khamis 7.30pg – 1.00 ptg
Jumaat 7.30pg – 12.30tgh

6. Keprihatinan dan kerjasama daripada ibu bapa / penjaga sekalian amat dihargai.

Sekian. terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(ROS BT. LIZAN)

Pengetua Cemerlang
SMK Bandar Utama Damansara (3)